

01 APR 2003

MIC-Sekolah/I

MIC JALIN HUBUNGAN RAPAT DENGAN PENYELARAS SEKOLAH TAMIL

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- MIC akan bekerja rapat dengan penyelaras sekolah Tamil di seluruh negara bagi menambah bilangan pelajar yang memperolehi keputusan cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dari sekolah jenis itu tahun ini.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata parti itu setakat ini sudah mengenal pasti lebih daripada 700 pelajar yang akan menduduki peperiksaan itu tahun ini untuk diberikan perhatian dan bimbingan khas, termasuk kelas-kelas tuisyen.

"Di peringkat negeri, kami juga akan menjayakan bengkel instensif dan seminar bagi membantu pelajar mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan," katanya kepada pemberita selepas menemui jawatankuasa tindakan sekolah-sekolah Tamil di ibu pejabat parti di sini lewat semalam.

Samy vellu berkata parti itu juga akan mengadakan sesi percambahan fikiran dengan lebih 100 guru dan guru besar sekolah Tamil dan sesi ini akan menyediakan soalan peperiksaan untuk pelajar sebelum peperiksaan sebenar UPSR tahun ini.

Daripada 13,690 pelajar sekolah Tamil yang menduduki UPSR pada 2002, 202 pelajar mendapat 7A, berbanding 165 pelajar yang memperolehi pencapaian yang sama pada tahun sebelumnya.

Samy Vellu menggesa guru besar, guru dan ibu bapa di sekolah Tamil, memberi perhatian kepada pendidikan bagi memastikan sekurang-kurangnya tiga peratus daripada 13,900 pelajar sekolah Tamil yang menduduki peperiksaan itu tahun ini, memperolehi keputusan cemerlang.

Beliau berkata MIC, parti berasaskan kaum India yang terbesar di negara ini, juga akan menemui Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah-sekolah Tamil bagi memahami dan membincangkan masalah yang dihadapi di peringkat akar umbi.

"Kita perlu bekerja sama rapat dengan semua pihak terbabit bagi memberi manfaat kepada pelajar. Kita mahu lebih ramai pelajar yang menempa kejayaan cemerlang," katanya.

Mengenai peruntukan bagi membina semula sekolah-sekolah Tamil yang usang di seluruh negara, Samy Vellu berkata parti itu telah mengemukakan kertas kerja kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memohon peruntukan RM20 juta untuk membina dan melengkapkan sekolah-sekolah Tamil bagi tempoh 10 tahun yang akan datang.

"Tahun ini, kita sudah mengenal pasti 18 buah sekolah yang sangat-sangat memerlukan kerja baik pulih dengan segera," katanya.

-- BERNAMA

SR KHY LAT